

Pelajar IPT, warga emas kongsi ilmu bercucuk tanam

Bangi: Kehidupan warga emas terutama yang tinggal di pusat penjagaan lebih bererti dengan pengisian pelbagai aktiviti seperti bercucuk tanam bagi mengurangkan kemurungan dan menjalani gaya hidup sihat.

Justeru, atas keprihatinan itu, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFOs), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda untuk berkongsi ilmu dalam bidang pertanian berdasarkan penanaman hidroponik dan juga tanaman hiasan di Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Seksyen 2, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Ketua projeknya, Prof Madya Dr Ahmad Faizal Abdull Razis, berkata program ini dianjurkan untuk membantu warga emas di pusat jagaan ini melakukan aktiviti penanaman dengan kaedah yang betul dan juga mengisi masa



Pelajar UPM jayakan program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda di Bandar Baru Bangi, baru-baru ini.

lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat.

“Mereka mendapat ilmu dan tunjuk ajar secara terus mengenai kaedah penanaman pokok yang

bersesuaian dengan persekitaran kawasan yang mereka diamai.

“Aktiviti bersama warga emas ini dapat memupuk mereka untuk menanam dan menjaga kesihatan

sambil memenuhi masa lapang bersama-sama rakan mereka di pusat jagaan ini,” katanya.

Seramai 35 orang pelajar sarjana muda Sains Hortikultur dari

Fakulti Pertanian dan enam ahli jawatankuasa induk dari ITAFOs dan fakulti sama terbabit dalam program berkenaan yang diadakan hujung tahun lalu.

Beri impak positif

Beliau berkata, pelaksanaan program memberi impak yang positif dalam kalangan warga emas di pusat jagaan mengenai kepentingan pertanian dan tanaman hortikultur.

Tambahnya, bukan hanya warga emas yang mendapat ilmu, malah pelajar yang menyertai program ini turut dapat berkongsi ilmu pertanian dengan melakukan demonstrasi.

“Hal ini juga menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar serta membuka peluang mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat pada peringkat umur yang berbeza di dalam komuniti setempat,” ujarnya.